

# Stok minyak sawit negara semakin susut

**Stok** minyak sawit mentah (MSM) terus menyusut, turun 0.28 peratus kepada 784,471 tan pada Februari 2022 daripada 786,663 tan pada Januari 2022, kata Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Dalam satu kenyataan semalam, MPOB berkata, jumlah inventori minyak sawit turun 2.12 peratus bulan ke bulan kepada 1.52 juta tan berbanding 1.55 juta tan, dengan inventori minyak sawit yang diproses menyusut 4.01 peratus kepada 733,82 juta tan daripada 764,49

juta tan sebelumnya.

Pengeluaran MSM jatuh 9.26 peratus kepada 1.14 juta tan pada Februari 2022 daripada 1.25 juta tan pada bulan sebelumnya.

Pengeluaran isirung sawit menurun 8.44 peratus bulan ke bulan kepada 283,054 tan berbanding 309,120 tan, dan pengeluaran minyak isirung sawit mentah turun 17.30 peratus kepada 126,669 tan berbanding 153,173 tan sebelumnya, kata MPOB.

Ia berkata, eksport minyak

sawit berkurangan 5.32 peratus kepada 1.10 juta tan pada Februari 2022 daripada 1.16 juta tan pada bulan sebelumnya, manakala eksport minyak isirung sawit jatuh 32.14 peratus kepada 56,095 tan berbanding 82,667 tan sebelumnya.

Eksport oleokimia juga menyusut 1.3 peratus kepada 228,322 tan daripada 231,336 tan pada bulan sebelumnya, manakala eksport biodiesel meningkat 52.43 peratus kepada 44,777 tan daripada 29,375 tan sebelumnya.



*Pengeluaran isirung sawit menurun 8.44 peratus bulan ke bulan kepada 283,054 tan.*

(Foto hiasan)